

'Tun M mampu bantu 4 negeri ditadbir PAS jadi kuasa ekonomi'

Melalui SG4 gabungan PN berupaya tarik pelaburan baharu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Empat negeri ditadbir PAS berpotensi menjadi kuasa ekonomi yang mampu mencahar pentadbiran Kerajaan Perpaduan selepas melantik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat.

Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli, berkata perkara itu dapat dibuktikan melalui negerinya yang menerima komitmen pelaburan berjumlah RM1.3 bilion minggu lalu, tambahan daripada pelaburan sedia ada berjumlah RM2.5 bilion.

"Dengan *State-Government* 4 (SG4) yang dinasihatkan Dr Mahathir, kita akan dapat bangun empat negeri jadi kuasa ekonomi yang ditakuti kerajaan pimpinan Anwar Ibrahim.

"Minggu lalu kita terima pelaburan baharu, bila ditambah-tambah ia menjadi semakin banyak pelaburan di Perlis," katanya dalam pidato empat Menteri Besar sempena Mukhtamar Tahunan PAS, malam kelmarin.



Sebahagian perwakilan yang hadir pada Mukhtamar Tahunan PAS Ke-69 di Shah Alam, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nassuruddin Daud; Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Pada September lalu, Ahmad Samsuri mengumumkan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis dalam proses membentuk 'kumpulan empat negeri' dengan Dr Mahathir dilantik sebagai penasihat tidak rasmi.

Susunan itu, pelbagai pihak tampil memberi pandangan berhubung pelantikan Dr Mahathir oleh empat negeri berkenaan.

Dalam pada itu, Shukri berkata, dengan pelaburan yang diterima itu, empat negeri berke-

naan 'mampu berdiri di atas kaki sendiri' tanpa memerlukan bantuan kerajaan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perlu masa kikis bayang BN

Beliau berkata, negerinya memerlukan sedikit masa untuk mengkikis imej Barisan Nasional (BN) disebabkan parti berkenaan sudah memerintah Indera Kayangan itu sejak 70 tahun lalu.

"Nak kikis bayang itu payah, perlukan masa. Penggal pertama baik, cuci, apa kerajaan lama buat. Saya di Perlis baru 11 bulan, perlukan masa panjang untuk membaiki pentadbiran," katanya.

Sementara itu, Perwakilan Dewan Ulama PAS, Ahmad Marzuki Mat Yusuf, ketika membahaskan usul Ucapan Dasar Presiden pada Mukhtamar PAS ke-69 di sini, semalam, berkata model SG4 mampu menjadi platform kejayaan kepada Perikatan Nasional (PN) untuk menang pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Katanya, kewujudan model terabit di empat negeri diterajui PAS berupaya menjadi bukti kepada rakyat bagaimana parti itu bersama gabungan PN mampu menguasai kerajaan.

"Beberapa individu berpengalaman seperti mereka yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri, mereka mengetahui lo-

" Dengan State-Government (SG4) yang dinasihatkan Dr Mahathir, kita akan dapat bangun empat negeri jadi kuasa ekonomi



Mohd Shukri Ramli,
Menteri Besar Perlis

rong ekonomi bagaimana untuk kita membangunkan empat negeri ini," katanya.

Perwakilan Kelantan, Muhammad Asri Mat Daud, pula menggesa semua parti politik yang menerajui kerajaan supaya menghormati mandat diberikan rakyat dengan memberikan peruntukan sama rata kepada wakil rakyat pembangkang.

Katanya, kerajaan Kelantan sendiri memberikan peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang sebagai menghormati mandat diberikan rakyat.